

Malaysia bantu masa depan generasi muda Indonesia

JAKARTA 25 Feb. - Malaysia bukan saja membantu menyediakan pekerjaan kepada sejuta rakyat Indonesia yang mencari nafkah di Malaysia, tapi lebih jauh daripada itu, ia juga sedang membantu membina masa depan sebahagian besar generasi muda Indonesia, kata seorang pakar pendidikan Indonesia.

Dr. J. Goenawan berkata, keikhlasan Malaysia mendirikan prasarana persekolahan untuk 34,000 orang anak kepada tenaga kerja Indonesia (TKI) khasnya di kawasan ladang di pedalaman Sabah dan Sarawak merupakan hadiah paling bermakna dalam menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua negara tahun ini.

"Saya percaya usaha kerajaan Malaysia menyediakan sekolah yang tentunya bukan sedikit bilangannya bagi menampung keperluan pendidikan seramai itu anak-anak TKI, tidak pernah berlaku di mana-mana negara pun di dunia.

Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono pada sidang media bersama selepas bertemu Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Khamis lalu, berterima kasih kepada Malaysia yang setuju membantu pendidikan anak-anak TKI dengan mendirikan sekolah untuk mereka, dan Indonesia sudah menghantar antara 500 hingga 1,000 guru untuk mengajar mereka.

Dr. Goenawan, yang juga Ketua Jabatan Kimia Kedokteran, Universiti UKRIDA di

Generasi muda Indonesia yang terdidik di Malaysia itu kelak akan mempunyai peribadi kukuh, berfikiran maju dan tidak lagi menjadi TKI seperti ibu bapa mereka

sini berkata, 34,000 anak TKI itu sangat bertuah kerana mereka menikmati mutu dan kemudahan pendidikan yang jauh lebih baik berbanding di kebanyakan sekolah di Indonesia.

"Apa lagi pendidikan di peringkat sekolah di Malaysia sangat berkualiti dan percuma pula. Kurikulumnya juga berbeza dengan di sini. Ini sesuatu yang belum tentu dapat dinikmati anak-anak Indonesia di negara sendiri," kata beliau yang cukup biasa dengan sistem pendidikan di Malaysia.

Beliau berharap generasi muda yang terdidik di Malaysia itu kelak akan mempunyai peribadi yang kukuh, berfikiran maju dan tidak lagi menjadi TKI seperti ibu bapa mereka.

Menurutnya, selain membantu secara langsung masa depan anak TKI yang berada di sana, jutaan lagi anak Indonesia turut dibantu secara tidak langsung oleh Malaysia melalui pembiayaan sekolah mereka yang dikirim ibu bapa atau keluarga yang bekerja mencari rezeki di Malaysia.

Sementara itu, Pengurus Besar stesen radio popular di Jakarta CNJ Djakarta 99.9FM, Sofwan Effendi berkata, Abdullah di mata banyak media massa Indonesia, banyak berjasa bagi mengeratkan lagi hubungan serumpun.

Beliau berkata, momentum sekarang ketika hubungan Malaysia-Indonesia diakui ramai berada di puncak keakraban, ia perlu dimanfaatkan oleh Malaysia untuk membina imej baik bagi jangka panjang di Indonesia.

Katanya, melalui lawatan peringkat pemimpin yang lebih kerap, saling bertindak, cepat membantu dalam kesusahan, mengumumkan pendirian yang sama berkaitan sesuatu isu antarabangsa, ia boleh menonjolkan persamaan dan kebersamaan dua negara serumpun.

Sofwan yang mengikuti rapat perkembangan Malaysia di Indonesia berkata, setakat ini, Malaysia kelihatan seperti malu-malu untuk menonjolkan kebaikannya sedangkan negara lain tidak pernah mele-

paskan peluang itu.

Ketua Jawatankuasa Bidang Luar Negara Asosiasi Kontraktor Indonesia (AKI) Victor Sitorus pula berkata, kerjasama baik dalam bidang pembinaan termasuk pembinaan jalan dan lebuhraya di Indonesia dengan rakan kerja Malaysia memang didorong oleh hubungan akrab itu.

"Memang satu masa dulu banyak pihak di Indonesia melihat pengusaha Malaysia ke Indonesia hanya untuk merebut peluang tetapi persepsi itu telah berubah," katanya.

Beliau berkata, lantaran itu tidak menghairankan Malaysia menjadi pelabur terbesar di Indonesia dengan pelaburan US\$2.2 bilion tahun lepas dan berharap jumlah itu dapat ditingkatkan.

Pemerhati sosial tempatan dan isu antarabangsa Dr. Yusherman pula berkata, Malaysia dan Indonesia, dalam keadaan bagaimana sekalipun harus berdiri bersama terutama di pentas dunia kerana kedua-duanya selain mewakili kepentingan bangsa yang serumpun juga mewakili dunia Islam, yang masih mengharapkan pembelaan.

"Saya gembira kerana dalam isu terrorisme yang dikaitkan dengan Islam, baik Susilo mahupun (Abdullah) Badawi sudah lantang menyuarakan bahawa kaitan itu tidak benar dan tidak tepat kerana Islam adalah agama keamanan.

- Bernama

UM-26/2/2007

DR. J. GOENAWAN
Pakar pendidikan
Indonesia